

24 MAY 1997

PEMBANGKANG BERSIKAP KETERLALUAN MEMBURUKKAN KERAJAAN

PORT DICKSON, 24 Mei (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad hari ini berkata parti pembangkang sering bersikap keterlaluan dalam memburuk-burukkan kerajaan terutama pada setiap pilihan raya.

"Gambaran yang sering mereka berikan kepada rakyat seolah-olah kerajaan yang ada sekarang terlalu buruk pentadbirannya sepanjang masa sehingga tiada satu kebaikan yang dibawanya," katanya.

Ketika berucap pada majlis perasmian Klinik Kesihatan Linggi dekat sini, beliau berkata selama negara di bawah pentadbiran kerajaan Barisan Nasional (BN), rakyat telah dapat menikmati pembangunan yang berterusan walaupun ia dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

"Kita akui memang terdapat sedikit sebanyak kelemahan dalam jentera pentadbiran kerajaan tetapi sebagai manusia ia adalah perkara biasa yang boleh diperbaiki", katanya.

Menteri Besar juga berkata Klinik Kesihatan Linggi yang berharga RM900,000 merupakan sebahagian rancangan kerajaan negeri untuk menaikkan taraf pusat kesihatan kecil di negeri ini.

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian, beliau berkata kerajaan negeri tidak lagi melaksanakan sebarang pengambilan balik tanah sejak setahun lepas.

"Sebelum ini, pengambilan balik tanah dibuat berdasarkan kepentingan bentuk pembangunan yang hendak dilaksanakan serta mengikut harga pasaran," katanya mengulas kenyataan Datuk Seri Mahathir Mohamad mengenai tindakan beberapa kerajaan negeri yang mengambil balik tanah tetapi menjualnya semula untuk mendapatkan keuntungan. -- BERNAMA

RAB RON